

26 MAY 1997

PM AKAN RASMIKAN MULTIMEDIA ASIA '97

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Multimedia Asia '97 (MMA '97) yang akan diadakan di The Mines Resort City dari 16 hingga 19 September ini.

MMA '97 diadakan dengan tujuan mempamerkan perkembangan terbaru dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) dan untuk menarik serta mengumpul minat bakal-bakal pelabur untuk menempatkan syarikat mereka di situ.

Acara ini dianjurkan bersama oleh Miller Freeman Sdn Bhd, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan, MIMOS Bhd, Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Putrajaya Holdings Sdn Bhd, dan disokong oleh Persatuan Industri Komputer Malaysia dan Persatuan Multimedia Interaktif Malaysia, demikian menurut satu kenyataan bagi pihak Miller Freeman.

Syarikat-syarikat yang terbabit dalam aplikasi, pembuatan elektroniks, prasarana perangkaan, serta perkakasan dan perisian IT dijangka menyertai pameran ini, jelas kenyataan tersebut.

Acara kemuncak ialah dalam segmen "National Showcase" yang merupakan perkembangan terbaru MSC, tambah kenyataan itu.

Satu persidangan selama tiga hari juga akan diadakan. Ia melibatkan pemimpin negara, pembuat dasar, pegawai kerajaan dan pakar terkemuka dari syarikat-syarikat IT yang terkenal di seluruh dunia bagi membincang dan bertukar-tukar maklumat mengenai perkembangan teknologi dan aplikasi multimedia secara am serta perkembangan lanjut MSC, katanya.

Penandatanganan rasmi antara penganjur pameran ini akan diadakan pada 28 Mei. -- BERNAMA

MSL KY MA